

Naikkan denda maksimum RM1 juta

Mahu kerajaan negeri bertindak tegas agar tiada pihak pandang enteng isu pencemaran sungai

KUALA SELANGOR

— Kerajaan negeri disarankan supaya meningkatkan denda maksimum sehingga RM1 juta dan 10 tahun penjara bagi memastikan pihak tidak bertanggungjawab tidak memandang enteng isu pencemaran sungai.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim menjelaskan, tindakan tegas wajar diambil bagi memastikan pencemaran sungai dan gangguan bekalan air tidak terus membebaskan rakyat.

Menurutnya, biarpun akta sedia ada seperti Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dikatakan mencukupi, namun penyelesaian isu masih kabur.

“Tiada guna semua akta

itu jika kerajaan negeri hanya beri amaran umpama melepaskan batok di tangga dan wajar meningkatkan denda sedia ada yang mungkin dipandang ringan segelintir pihak.

“Mungkin denda maksimum RM100,000 dan penjara lima tahun ini dipandang ringan, jadi kita sarankan kepada kerajaan supaya menaikkan denda maksimum sehingga RM1 juta dan 10 tahun penjara,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau keadaan loji sempena lawatan ke Loji Air Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1) di Muka Sauk SSP1 Sungai Darah, Bestari Jaya.

Irmohizam yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berkata, kerajaan



Irmohizam (kiri) meninjau keadaan di Muka Sauk SSP1 Sungai Darah, Bestari Jaya.

negeri juga perlu lebih serius menangani isu pencemaran sungai memandangkan ke-

adaan dilihat semakin lesu dan terancam.

“Kerajaan negeri per-

lu ambil tindakan tegas kerana sungai negeri ini terdedah dengan pencemaran,

ditambah ketidakcekan mengawal pertumbuhan kilang haram.

“Kerajaan negeri dilihat lemah dalam menguatkuasakan undang-undang kerana sehingga kini sungai terus terancam dengan sisa kumbahan kilang sehingga menjejaskan hasil nelayan sungai,” katanya.

Beliau berharap saranan diberikan dapat didengari supaya isu pencemaran sungai di negeri ini dipandang lebih serius dan menasihatkan orang ramai supaya menghargai sungai.

“Pelihara dan puliharalah sungai yang ada demi warisan anak bangsa kerana sumber sungai penting untuk kelangsungan hidup khususnya nelayan,” katanya kepada *Sinar Harian*.